

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Rosna Awang Hashim berkata, penambahan pusat pengajian ini akan memudahkan urusan akademik dan pentadbiran universiti kerana setiap pusat pengajian mempunyai dekan, ketua jabatan dan kumpulan pentadbir mereka sendiri.

"Pusat pengajian baru ini akan membantu menguatkan lagi struktur pengurusan kolej di universiti ini yang sedia ada serta dapat menjadi pemangkin kepada usaha menjayakan hasrat menjadikan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

"Penambahan empat belas Pusat Pengajian ini telah dibahagikan kepada lima Pusat Pengajian untuk UUM COB dan UUM CAS, manakala empat Pusat Pengajian untuk UUM COLGIS," katanya.

Prof Dr Rosna berkata, pihak UUM sudah membentangkan struktur kolej yang baru dengan penambahan 14 pusat pengajian pada 23 Jun lalu untuk mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebelum melaksanakan penambahbaikan kepada sistem kolej sedia ada.

"Penstrukturan kolej yang baru ini juga telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pendidikan Tinggi, KPT dan Lembaga Pengurusan Universiti," katanya lagi.

Beliau juga berkata, KPT juga bersetuju dan menyokong pelaksanaan penstrukturan ini kerana ia tidak akan melibatkan pertambahan kos, tiada penambahan kakitangan serta menggunakan ruang dan kemudahan yang sedia ada.

Antara 14 Pusat Pengajian ialah Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Pusat Pengajian Pengkomputeran, Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, dan Pusat Pengajian Pembangunan Sosial untuk UUM CAS.

Manakala UUM COB pula ialah, Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Pusat Pengajian Perakaunan, Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, dan Ekonomi, Pusat Pengajian Kewangan dan Perbankan.

Pusat Pengajian UUM COLGIS pula ialah, Pusat Pengajian Kerajaan, Pusat Pengajian Pengajian Antarabangsa, Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Pusat Pengajian Hospitaliti dan Alam Sekitar, dan Pusat Pengajian Undang-undang.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my